

SULIT

21/1
Sejarah
Ogos
2009
1¼ Jam



**ANJURAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN PERLIS**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR)
TAHUN 2009**

SEJARAH

Satu jam lima belas minit



JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan anda. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan hitamkan pilihan anda yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi **21** halaman bercetak

[Lihat sebelah
SULIT

- 1 Pendapat berikut tentang pentafsiran satu peristiwa sejarah.



Perbezaan pendapat terhadap pentafsiran tersebut disebabkan oleh

- A mencari keuntungan
B maklumat bertentangan
C penulisan yang berbeza
D pandangan yang berlainan
- 2 Apakah ciri kehidupan masyarakat Zaman Prasejarah yang ditemui di kawasan ekskavasi berikut?

- Sungai Tembeling, Pahang
- Gua Harimau, Perak
- Changkat Menteri, Perak

- A Memburu binatang liar
B Menghasilkan peralatan logam
C Menjalankan kehidupan nomad
D Mengamalkan upacara perkuburan

- 3 Maklumat berikut merupakan kerajaan awal di Asia Tenggara.

- Srivijaya
- Kedah Tua

Apakah fungsi kerajaan maritim tersebut dalam urusan perdagangan?

- I Menjadi orang tengah
II Mengumpul barang dagangan
III Membina sistem pengairan
IV Mengusahakan pembuatan kapal
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV


[Lihat sebelah
SULIT

- 4 Senarai berikut berkaitan sumbangan orang laut terhadap kegemilangan Melaka semasa pemerintahan Parameswara.

- Mahir di laut
- Mengawal perairan Melaka

Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada sikap orang laut?

- A Ketabahan
B Kesyukuran
C Kebanggaan
D Kegembiraan
- 5 Rajah berikut merupakan usaha kerajaan Melaka menarik minat pedagang asing untuk berdagang di pelabuhan Melaka.



Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada tindakan tersebut?

- A Berilmu
B Bertoleransi
C Bermuafakat
D Bertindak bijak
- 6 Monolog berikut mungkin berlaku pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka sehingga menjadi empayar yang agung.

Raja Jambi : Tidak lama lagi beta akan menjadi raja yang sah apabila Sultan Melaka datang menabalkan beta sebagai raja Jambi

Monolog di atas menggambarkan telah wujud hubungan antara Melaka dengan Jambi.

Apakah bentuk hubungan antara Melaka dengan Jambi?

- A Setaraf
B Naungan
C Taklukan
D Ketuanan

[Lihat sebelah
SULIT

- 7 Amalan berikut berkaitan dengan faktor yang membawa kepada kejatuhan kerajaan Melaka.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Amalan pilih kasih• Amalan fitnah-menfitnah• Persaingan untuk mendapatkan pengaruh |
|--|

Apakah iktibar daripada amalan tersebut?

- A Setia kepada negara
B Jujur membuat keputusan
C Bersatu dalam masyarakat
D Rasional memilih pemimpin
- 8 Apakah faktor yang membawa kemajuan perdagangan Johor pada abad ke-17?
- I Kecekapan dalam pentadbiran
II Kepelbagaian barang dagangan
III Perpaduan dalam kalangan rakyat
IV Pengenalan undang-undang tempatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 9 Maklumat berikut berkaitan seorang pembesar Johor yang sangat berpengaruh.

Pembesar X
<ul style="list-style-type: none">• Dianugerahkan gelaran Paduka Raja• Mengetuai angkatan perang Johor• Melantik menantunya menjadi sultan

Pembesar X ialah

- A Tun Abdul Jalil
B Tun Seri Lanang
C Tun Abdul Jamil
D Tun Habib Abdul Majid

[Lihat sebelah
SULIT

- 10 Pernyataan berikut menunjukkan berlakunya hubungan diplomatik antara Kedah dengan negara jiran.

- Menghantar bunga emas kepada Siam
- Menjalin persahabatan dengan Burma

Apakah tujuan utama Kedah mengadakan hubungan tersebut?

- A Menjamin keselamatan negeri
B Mengadakan kerjasama serantau
C Mengukuh kedudukan pemerintah
D Menggalakkan kedatangan pedagang
- 11 Kerajaan Terengganu mencapai zaman kegemilangannya semasa pemerintahan Sultan Mansor Shah I.
Apakah peranan penting negeri Terengganu di Kepulauan Melayu pada zaman tersebut?
- A Pelabuhan kerajaan
B Pelabuhan entreport
C Pelabuhan pembekal
D Pelabuhan pedalaman
- 12 Berdasarkan pernyataan berikut, apakah tugas pembesar jajahan dan daerah?

Pembesar jajahan dan daerah dilantik oleh sultan melalui pemberian surat tauliah.

- I Mempertahankan kedaulatan negeri
II Menjaga dan memelihara keamanan
III Mengekalkan taat setia masyarakat tempatan
IV Menjadi perantara antara pembesar dengan rakyat
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan isi kandungan undang-undang yang diamalkan di negeri-negeri Melayu.

- Syarat memegang jawatan kerajaan seperti sultan dan penghulu
- Peraturan adat istiadat menghadap dan melantik raja
- Hukuman jenayah, undang-undang dan pertanian

Undang-undang X

Undang-undang X ialah

- A Hukum Kanun Melaka
 - B Undang-undang Kedah
 - C Undang-undang Pahang
 - D Undang-undang 99 Perak
- 14 Maklumat berikut menggambarkan persembahan tradisi orang Melayu Sarawak.

Hanya kaum lelaki sahaja yang akan menari manakala kaum perempuan bermain gendang sambil menyanyi dan berpantun.

Antara berikut yang manakah menggambarkan persembahan tradisi tersebut?

- A Bersemah
 - B Magunatip
 - C Bergendang
 - D Mangalang
- 15 Pasar tamu merupakan tempat masyarakat pelbagai etnik berjual beli di Sabah. Apakah nilai yang diperolehi jika anda berkunjung ke pasar tamu tersebut?
- A Semangat muhibbah
 - B Semangat patriotisme
 - C Semangat setiakawan
 - D Semangat bersatu-padu


- 16 Apakah tujuan serangan berikut?

Pada akhir kurun ke-18, tentera Bugis yang dipimpin oleh Raja Haji telah menyerang dan menawan Kuala Kedah serta Alor Setar.

- A Menghalau tentera Siam
- B Membantah penguasaan Burma
- C Menentang pelantikan Raja Muda
- D Menghalang pertapakan Francis Light

[Lihat sebelah
SULIT

- 17 Apakah kesan langsung apabila termeterainya perjanjian berikut?



- A Inggeris menguasai Pulau Pinang
B Inggeris mendapat Seberang Perai
C Inggeris mengiktiraf ketuanan Siam
D Inggeris menaungi kedaulatan Kedah
- 18 Petikan surat berikut ditulis oleh seorang pegawai Inggeris yang ditugaskan untuk mencari pelabuhan baru kepada Gabenor SHTI.

'Percayalah kepada saya, ini merupakan sebuah stesen di timur yang terpenting dari segi keunggulan laut dan kepentingan perdagangan, tiada tolok bandingnya lebih berharga dari sebuah benua.'

Stesen yang dimaksudkan ialah

- A Betawi
B Melaka
C Singapura
D Pulau Pinang
- 19 Apakah kepentingan negeri-negeri Melayu kepada revolusi perindustrian di Eropah?
- A Menyediakan tenaga buruh
B Menyediakan bahan mentah
C Menyediakan sumber modal
D Menyediakan kawasan kilang
- 20 Maklumat berikut berkaitan dasar pentadbiran British di negeri-negeri Melayu.

Sistem Residen yang diperkenalkan oleh British di negeri-negeri Melayu telah mengecewakan sultan dan pembesar Melayu


Mengapa sultan dan pembesar Melayu kecewa?

- I Residen menguasai pentadbiran
II Residen memonopoli perlombongan
III Residen menasihati sultan dalam agama
IV Residen menghapuskan amalan perhambaan

[Lihat sebelah
SULIT

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21. Garis masa berikut menunjukkan perubahan pentadbiran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.



Apakah desakan Sultan Idris sehingga membawa kepada perubahan tersebut?

- A Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi
 - B Pegawai Melayu menganggotai Majlis Mesyuarat Negeri
 - C Jawatan Residen Jeneral digantikan dengan Ketua Setiausaha
 - D Negeri-negeri Melayu digabungkan menjadi sebuah persekutuan
22. Bagaimanakah tokoh dalam gambar berikut memodenkan pentadbiran Johor?



- A Memperkenalkan Sistem Kangcu
- B Melukiskan peta pembangunan negeri
- C Menubuhkan pasukan polis dan tentera
- D Mengasaskan pusat pentadbiran Tanjung Puteri

[Lihat sebelah
SULIT

23. Pernyataan berikut menerangkan keadaan yang berlaku di Sarawak pada kurun ke-19.

'Tuan Brooke, saya menawarkan jawatan Gabenor Sarawak kepada tuan jika tuan dapat menamatkan kekacauan di Sarawak'.
Pangeran Raja Muda Hashim

Apakah punca kekacauan yang dimaksudkan

- A Penduduk menghalang James Brooke
 - B Penduduk menolak penyerahan Sarawak
 - C Penduduk membantah kadar cukai yang tinggi
 - D Penduduk menentang pentadbiran wakil Kesultanan Brunei
24. Apakah kesan perjanjian berikut?

1842	Perjanjian antara Sultan Omar Ali Saifuddin dengan James Brooke
------	---

- A Sarawak menjadi tanah jajahan British
 - B James Brooke sebagai Raja Putih yang pertama
 - C Sultan Brunei memajak wilayah Sarawak kepada James Brooke
 - D Kuching dan Miri diserahkan kepada British melalui James Brooke
25. Apakah peranan Majlis Bahagian berikut?

Pentadbiran Sarawak dibahagikan kepada lima bahagian yang dipertanggungjawabkan kepada Majlis Bahagian.

- I Memungut cukai
 - II Menjaga keamanan
 - III Menasihati James Brooke
 - IV Menggubal undang-undang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat sebelah
SULIT

26 Mengapakah pemimpin tersebut diserap berkhidmat dalam sistem pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB)?

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Ketua Anak Negeri • Ketua Kampung |
|--|

- I Memberi latihan kepimpinan
 II Memahami budaya tempatan
 III Menghadapi masalah kewangan
 IV Mengalami kekurangan pegawai

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan III
 D III dan IV

27 Apakah kesan Perjanjian Perlindungan Borneo Utara British pada tahun 1888?

- A Sabah diambil alih oleh British .
 B Sabah menjadi negeri naungan British
 C Sabah menjadi pengkalan tentera British
 D Sabah dibantu pihak British jika diserang musuh

28 Senarai berikut menunjukkan perkhidmatan pengangkutan yang terdapat di Sabah.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Jalan raya • Landasan kereta api • Perkhidmatan perkapalan |
|--|

Mengapakah sistem pengangkutan tersebut diperkenalkan?

- A Memajukan kawasan luar bandar .
 B Menggalakkan perkembangan reka cipta
 C Membawa kemajuan kepada masyarakat tempatan
 D Menghubungkan kawasan ekonomi dengan pelabuhan

29 Apakah penyakit yang mendorong kerajaan British menubuhkan institusi berikut?

Tahun 1901	British telah menubuhkan Institut Penyelidikan Perubatan di Kuala Lumpur
------------	--

- I Malaria
 II Beri-beri
 III Campak
 IV Untut

[Lihat sebelah
SULIT

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Dialog berikut mungkin berlaku semasa pemerintahan British di Tanah Melayu.

Pak Din :	Anak awak si Ahmad belajar di mana sekarang ?
Pak Abu :	Ahmad belajar di sekolah Melayu dalam darjah lima.

Apakah peluang pekerjaan bagi Ahmad setelah menamatkan pengajiannya?

- A Menjadi majistret
- B Menjadi Pegawai Daerah
- C Menjadi guru di sekolah Melayu
- D Menjadi pegawai kanan kerajaan

31 Maklumat berikut berkaitan mesyuarat yang telah diadakan di Durian Sebatang, Perak.

Kehadiran mesyuarat
Raja Abdullah Raja Ismail Dato' Maharaja Lela

Apakah keputusan mesyuarat tersebut?

- A Membunuh Residen British
- B Memulihkan kuasa pentadbiran sultan
- C Membina kubu pertahanan di Pasir Salak
- D Mengembalikan hak kutipan cukai pembesar

32 Orang Murut dilarang oleh SBUB daripada membuka tanah baru.
Apakah kesannya ke atas masyarakat tersebut?

- A Berhijrah ke Kalimantan
- B Bekerja di ladang tembakau
- C Kekurangan bahan makanan
- D Meninggalkan cara hidup tradisional


[Lihat sebelah
SULIT

- 33 Maklumat berikut berkaitan kebangkitan semangat kebangsaan untuk mengangkat martabat bangsa.

Pada tahun 1930-an, golongan intelektual berpendidikan Melayu telah menyemarakkan kesedaran semangat kebangsaan di Tanah Melayu.

Siapakah yang dimaksudkan dengan golongan intelektual berpendidikan Melayu?

- A Pemimpin Gerakan Islah
 - B Bekas pelajar sekolah Melayu
 - C Bangsawan berpendidikan Melayu
 - D Lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris
- 34 Apakah tujuan Persatuan Melayu Singapura dan Persatuan Melayu Selangor menganjurkan Kongres Melayu Se-Tanah Melayu pada tahun 1939?
- A Menyatukan persatuan-persatuan Melayu
 - B Mendesak British memajukan orang Melayu
 - C Mewujudkan perpaduan kebangsaan Melayu
 - D Menyeragamkan perjuangan bangsa Melayu
- 35 Mengapakah perjuangan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dianggap radikal?
- A Mengutamakan semangat kenegerian
 - B Menganjurkan kongres pakatan Melayu
 - C Menunjukkan kesetiaan kepada Raja-Raja Melayu
 - D Menyuarakan penentangan terbuka terhadap British
- 36 Rajah berikut menunjukkan cara kemaraan tentera Jepun.



Mengapakah tentera Jepun menggunakan basikal?

- A Menjamin keselamatan
- B Merahsiakan pergerakan
- C Mempercepat perjalanan
- D Memudahkan perhubungan

[Lihat sebelah
SULIT

37 Senarai berikut merupakan dasar pemerintahan Jepun di Tanah Melayu.

- Mungkir janji memberikan kemerdekaan
- Dasarnya mengongkong dan menyusahkan rakyat
- Menyerahkan empat negeri di utara kepada Thailand

Apakah iktibar daripada pelaksanaan dasar tersebut?

- A Bekerjasama untuk mendapatkan kemerdekaan
- B Berusaha sendiri untuk mendapatkan kemerdekaan
- C Bertanggungjawab untuk mendapatkan kemerdekaan
- D Bersatu untuk mendapatkan kemerdekaan

38 Senarai berikut menunjukkan kemunculan industri baru semasa pendudukan Jepun.

- Bahan api daripada susu getah
- Kertas daripada buluh, daun getah dan lalang
- Kelambu dan kain daripada benang daun nanas

Apakah kesimpulan daripada industri baru tersebut?

- A Keperitan hidup menjadikan rakyat kreatif
- B Negara kita kaya dengan sumber bahan mentah
- C Penduduk tempatan mempunyai daya cipta tinggi
- D Pelabur Jepun mempunyai modal yang banyak

39 Tindakan berikut dilakukan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) selama 14 hari di Tanah Melayu.

- Membunuh sesiapa yang dianggap bersalah
- Menculik dan menyiksa sesiapa yang dianggap bersubahat dengan Jepun
- Menghukum penduduk yang dikatakan menganiayai orang Cina semasa pemerintahan Jepun

Apakah kesan tindakan PKM tersebut?

- A Menyebabkan ketegangan kaum
- B Menguasai bandar dan daerah
- C Menegakkan undang-undang
- D Mengawal pergaduhan kaum

[Lihat sebelah
SULIT

40 Pada tahun 1946, pelaksanaan Malayan Union ditentang oleh orang Melayu. Bagaimanakah orang Melayu menentang Malayan Union?

- I Gerakan bersenjata
- II Bantuan pegawai Inggeris
- III Demostrasi secara aman
- IV Persatuan Melayu dihidupkan


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

41 Apakah sumbangan tokoh berikut?

- Halimahton Majid
 - Datin Putih Mariah
 - Cikgu Zaharah Abdullah

- A Menubuhkan UMNO
- B Menubuhkan persatuan wanita
- C Membantah penubuhan Malayan Union
- D Membantah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

42 Rajah berikut menunjukkan ciri utama yang terdapat dalam Persekutuan Tanah Melayu.



Apakah X?

- A Kewarganegaraan sama rata
- B Gabenor British mengetuai persekutuan
- C Raja Berpelembagaan diperkenalkan
- D Parlimen British menjadi pemutus undang-undang

[Lihat sebelah
SULIT

43 Senarai berikut menunjukkan kegiatan komunis yang agresif.

- Menyerang balai polis
- Melancarkan mogok dan sabotaj
- Menyerang ladang dan lombong
- Merosakkan landasan kereta api

Mengapakah komunis bertindak demikian?

- A Melemahkan pentadbiran
- B Melumpuhkan ekonomi
- C Memutuskan perhubungan
- D Melambatkan pergerakan

44 Pengganas komunis telah membunuh tiga pengurus ladang berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak.

Apakah tindakan serta-merta yang telah dilakukan oleh Sir Edwart Gent?

- A Memperbesar pasukan keselamatan
- B Menangkap ahli Parti Komunis Malaya
- C Mengharamkan Parti Komunis Malaya
- D Mengisytiharkan darurat di seluruh Tanah Melayu

45 Gambar berikut menunjukkan Sultan Selangor memberi kata-kata semangat kepada pasukan Home Guard semasa lawatan baginda ke sebuah kampung.



Apakah fungsi Home Guard?

- A Mengawal ladang
- B Membantu pasukan polis
- C Menjaga kampung baru
- D Menyekat kegiatan Min Yuen

[Lihat sebelah
SULIT


- 46 Dialog berikut mungkin berlaku antara pegawai British di Tanah Melayu semasa Rancangan Briggs dijalankan.

Pegawai A : Setiap keluarga di sini mesti memperoleh bekalan makanan yang mencukupi.
 Pegawai B : Bukan itu sahaja, kita mesti pastikan pihak komunis tidak mendapat sebarang makanan, senjata, maklumat dan ubat-ubatan.

Apakah program yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mencapai matlamat rancangan tersebut?

- I Kampung Baru
 - II Gerakan Kelaparan
 - III Memenangi fikiran rakyat
 - IV Kawasan hitam dan putih
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 47 Garis masa berikut menerangkan tentang cadangan Laporan Pelajaran di Tanah Melayu.



Mengapakah laporan pelajaran tersebut dikeluarkan?

- A Melahirkan bahasa kebangsaan
- B Melahirkan sekolah pelbagai kaum
- C Melahirkan rakyat berbudaya ilmu
- D Melahirkan pendidikan kebangsaan

[Lihat sebelah
SULIT

48 Pada tahun 1951, sebagai tukar ganti kepada kelonggaran kerakyatan Persekutuan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) telah ditubuhkan. Apakah tujuan RIDA?

- A Meningkatkan industri kraftangan
- B Meningkatkan pembangunan industri desa
- C Meningkatkan kerjasama erat pelbagai kaum
- D Meningkatkan taraf sosioekonomi orang Melayu


49 Maklumat berikut merupakan faktor kemenangan sebuah parti dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

- Kebijaksanaan pemimpin
- Semangat untuk mencapai kemerdekaan
- Sikap tolak ansur dalam pembahagian kerusi pilihan raya

Apakah parti tersebut?

- A Parti Negara
- B Parti Perikatan
- C Parti Melayu Merdeka
- D Parti Islam Se-Malaya

50 Rajah berikut menunjukkan rombongan ke London pada tahun 1956.



Apakah tujuan rombongan X tersebut?

- A Merangka perlembagaan
- B Menjalin hubungan diplomatik
- C Meminta bantuan pertahanan
- D Membincangkan kemerdekaan

[Lihat sebelah
SULIT

- 51 Maklumat berikut merupakan tempat berlakunya perhimpunan bersejarah yang telah diadakan pada 20 Februari 1956.

Padang Merdeka, Bandar Hilir, Melaka

Apakah kepentingan peristiwa tersebut?

- A Pertemuan pemimpin UMNO
 - B Perjumpaan persatuan Melayu
 - C Penurunan bendera Union Jack
 - D Pengumuman tarikh kemerdekaan
- 52 Keratan akhbar berikut merupakan peristiwa bersejarah pada 31 ogos 1957.



Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- I Pelaburan luar diambil alih oleh kerajaan
 - II Pengkalan tentera Komanwel ditutup
 - III Pembentukan negara demokrasi berpalimen
 - IV Pemulangan kuasa pemerintahan tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat sebelah
SULIT

- 53 Petikan berikut merupakan petikan Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu.

“ Bahawasanya kerana telah tibalah masanya bagi umat Persekutuan Tanah Melayu ini mencapai taraf suatu bangsa yang merdeka lagi berdaulat sama setimpal kedudukannya dengan segala bangsa di seluruh dunia”.

Apakah kepentingan pemasyhuran tersebut?


- A Penamatan penjajahan
 B Pemulihan kuasa mutlak raja
 C Pertahanan dalam kawalan British
 D Pembentukan Majlis Raja-Raja Melayu
- 54 Apakah cara yang digunakan Gerard T. MacBryan untuk mendapatkan tandatangan ketua bumiputera di Sarawak?
- A Ugutan
 B Rundingan
 C Referendum
 D Tipu muslihat

- 55 Senarai berikut merupakan tindakan yang dibuat oleh penduduk Sarawak.

- Menghantar surat bantahan dan telegram
- 338 orang kakitangan kerajaan meletak jawatan
- Penduduk mengadakan tunjuk perasaan

Apakah rumusan yang dapat dibuat berdasarkan maklumat tersebut?

- A Menentang pentadbiran tentera British
 B Menentang gagasan Persekutuan Malaysia
 C Menentang penyerahan Sarawak kepada British
 D Menentang pembentukan jajahan Borneo British
- 56 Garis masa berikut merujuk kepada peristiwa yang berlaku di Sabah.



[Lihat sebelah
SULIT

Apakah kepentingan peristiwa tersebut?

- A Pengabungan parti politik
- B Pemilihan wakil rakyat tempatan
- C Pembentukan perlembagaan negeri
- D Persediaan ke arah berkerajaan sendiri

57 Jadual berikut menunjukkan penubuhan parti-parti politik di Sabah.

Tarikh	Parti Politik
Ogos 1961	Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO)
Disember 1961	Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)
Januari 1962	Pasok Momungun

Apakah faktor yang mendorong penubuhan parti-parti tersebut?

- A Pembentukan gagasan Malaysia
- B Penggubalan Perlembagaan Negeri
- C Penyerahan negeri kepada British
- D Pengenalan Pilihan Raya Majlis Undangan

58 Dialog berikut mungkin berlaku pada awal tahun 1960-an.

Anda perlu membuat sesuatu kerana Parti Tindakan Rakyat (PETIR) pimpinan saya telah mengalami kekalahan dalam pilihan raya kecil 1961.

Saya bersetuju, kita mesti menghalang suatu keadaan yang mana Singapura akan menghala ke suatu arah yang lain dan Tanah Melayu ke arah yang lain.



Mengapakah perkembangan politik di Singapura telah menimbulkan kebimbangan kepada kedua-dua pemimpin tersebut?

- A Pemberontakan rakyat Singapura
- B Pengaruh komunis semakin berkembang
- C Parti PETIR mengalami masalah dalaman
- D Perebutan jawatan Ketua Menteri Singapura

[Lihat sebelah
SULIT

- 59 Apakah tujuan penubuhan Pasukan Pertahanan Tempatan (PPT) atau Askar Wataniah?
- A Menghapuskan pengganas komunis
 - B Mempertahankan negara daripada pencerobohan
 - C Melancarkan serangan gerila terhadap tentera Indonesia
 - D Mengawasi perairan negara daripada kemasukan anasir luar
- 60 Jadual berikut menerangkan tindakan yang diambil oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1960-an.

Tindakan Tunku Abdul Rahman	
Tahun 1961	Mencadangkan Singapura bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu
Tahun 1965	Mengumumkan Singapura dipisahkan daripada Persekutuan Malaysia

Mengapakah Tunku Abdul Rahman mengambil tindakan tersebut?

- A Menjamin kestabilan negara
- B Menyelesaikan krisis ekonomi
- C Mematuhi desakan antarabangsa
- D Menamatkan pertikaian sempadan

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat sebelah
SULIT